



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR

NAMA KURSUS : ETIKA PERNIAGAAN
KOD KURSUS : DSM 1073
PEPERIKSAAN : APRIL 2019
MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (60 Markah)
BAHAGIAN B (40 Markah)
2. Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 5 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

0

0

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a. Jelaskan definisi etika perniagaan. (4 markah)
- b. Huraikan **tiga (3)** dimensi aktiviti ekonomi dalam dunia perniagaan. (6 markah)

SOALAN 2

Etika kerja berkait rapat dengan apa yang seharusnya dilakukan oleh pekerja atau pihak pengurus. Huraikan **lima (5)** prinsip dalam etika pekerja. (10 markah)

SOALAN 3

Etika penting dalam mengendalikan tatacara kehidupan manusia.

- a. Huraikan **empat (4)** pihak yang perlu diurus berkaitan etika dalam kehidupan. (8 markah)
- b. Berikan **lima (5)** ciri pengurusan etika yang baik. (5 markah)
- c. Senaraikan **tujuh (7)** langkah dalam menyelesaikan masalah di tempat kerja mengikut pandangan Larry Ruddell. (7 markah)

SOALAN 4

- a. Berikan definisi tadbir urus korporat. (4 markah)
- b. Berikan **dua (2)** sebab perlunya mempelajari tadbir urus korporat. (2 markah)
- c. Senaraikan **empat (4)** kesan daripada pentadbiran korporat yang baik. (4 markah)

SOALAN 5

- a. Berikan definisi tanggungjawab sosial. (1 markah)
- b. Senaraikan **tiga (3)** kumpulan utama pihak berkepentingan dalam organisasi. (3 markah)
- c. Nyatakan **enam (6)** peranan dan tanggungjawab sosial golongan korporat. (6 markah)

[60 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Etika digunakan untuk menunjukkan falsafah moral yang menjelaskan fakta moral tentang nilai dan norma moral, perintah, tindakan kebajikan dan suara hati.

- a. Senaraikan **dua (2)** konsep asas dalam pembentukan etika sosial.
(2 markah)
- b. Huraikan dengan ringkas **empat (4)** perspektif dalam etika perniagaan.
(8 markah)
- c. Terangkan **lima (5)** bentuk tanggungjawab sosial korporat (*Corporate Social Responsibility*) yang dilakukan oleh organisasi terhadap masyarakat.
(10 markah)

SOALAN 2


- a. Berikan definisi tindakan afirmatif.
(2 markah)
- b. Huraikan secara ringkas **empat (4)** langkah yang digunakan dalam melaksanakan tindakan afirmatif.
(8 markah)

SOALAN 3

Kesatuan Sekerja di Malaysia didefinisikan dalam Akta Kesatuan Sekerja 1959 sebagai satu persatuan atau gabungan majikan atau pekerja yang bekerja di Malaysia. Antara peranan kesatuan ialah mewujudkan masyarakat pekerja yang berilmu, multifleksibel dan berupaya menukar maklumat kepada ilmu pengetahuan yang boleh digunakan dalam pelbagai cara. Huraikan secara ringkas **lima (5)** harapan kesatuan sekerja terhadap keadaan kebolehan pasaran buruh pada masa hadapan. (10 markah)

[40 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT



0

0